



Sultan rasmi rumah transit

Kerajaan negeri memperuntukkan RM3.27 juta bina 16 unit rumah transit Darul Hikmah



Sultan Johor berkenan melawat pameran di Kampung Baru Kuala Benut.



Sultan Ibrahim meninjau keadaan dalam rumah transit Maij.



Sultan Ibrahim menandatangani plak perasmian rumah transit.



Sultan Ibrahim menunggang vespa ke Kampung Baru Kuala Benut dari Dataran Dato' Jaluk, Benut.

PONTIAN - Rombongan Kembara Mahkota Johor 2016 diketuai Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar memilih Kampung Baru Kuala Benut, di sini, sebagai destinasi persinggahan pada hari terakhir.

Baginda Tuanku tiba di Kampung Baru Kuala Benut kira-kira jam 10 pagi dengan menaiki vespa, diiringi Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman yang turut menunggang motosikal.

Sultan Ibrahim berkenan merasmikan rumah transit pegawai agama, Darul Hikmah Majlis Agama Islam Johor (Maj) di lokasi terbabit.

Baginda Tuanku kemudiannya menurunkan platangan sebelum melawat unit rumah transit Darul Hikmah yang siap dibina, seterusnya berjalan menghadiri majlis santapan ringan sambil menyaksikan sukan rakyat di kampung itu.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Agama negeri, Abd Mutualip Abd Rahim; Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Hasni Mohammed serta Ketua Pegawai Eksekutif Maj, Mohd Rofiki Shamsudin.

Sementara itu, Abd Mutualip berkata, kerajaan negeri memperuntukkan RM3.27 juta bagi membina 16 unit rumah transit Darul Hikmah di beberapa daerah negeri ini.

Menurutnya, rumah transit Darul Hikmah di Kampung Baru Benut adalah kediaman contoh

pertama sudah siap dibina, menelan perbelanjaan RM167,000 yang akan menempatkan masing-masing seorang pegawai Maji dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Selain di sini, 15 lagi lokasi adalah di Kampung Orang Asli Bakar Batu, Kuala Masai di Johor Bahru; Sentosa dan Lenga (Muar); Sungai Mering (Tangkak); Segamat Kecil, Kundung (Segamat); Kempas Menang, Semanggar, Sungai Layau (Kota Tinggi); Tanah Runtuh dan Sungai Peroh (Kluang); Seri Mahkota (Pontian); Sejagung dan Seri Banang (Batu Pahat) dan Pungan (Mersing)."

"Tujuan pembinaan rumah transit menempatkan pegawai agama di Perkampungan Orang Asli bagi membolehkan masyarakat yang telah peluk Islam hidup dalam suasana Islam dengan penganjuran pelbagai majlis keagamaan," katanya.

Abd Mutualip berkata, baki 15 unit lagi rumah transit berkenaan dalam proses pembinaan dan beberapa penambahbaikan seperti surau untuk dijadikan kelas agama akan dibangunkan kemudian.

Hari terakhir KMJ 2016 menyaksikan Sultan Ibrahim memandu trak Mack melengkapkan kembara melibatkan laluan sejauh 148 kilometer. Konvoi Diraja itu turut melakukan beberapa persinggahan termasuklah di Dataran Dato' Jaluk, Benut, Dataran Bandaraya Johor Bahru dan menamatkan jelajah di kawasan Rehat dan Rawat Pandan Lebuh Raya Penyuraian Timur (EDL).



Sultan Johor melawat taman bimbingan kanak-kanak di Kampung Baru Kuala Benut.



Sultan Ibrahim melawat pameran baik pulih jaring.